



KEMENTERIAN PELANCONGAN  
SENI DAN BUDAYA



# RANGKA KERJA PEMULIHAN PELANCONGAN 2.0: MENCAPAI DAYA TAHAN INDUSTRI

MEMBINA MASA DEPAN LEBIH BAIK



KEKAMPUNGAN PELANCONGAN  
KEKAMPUNGAN PELANCONGAN  
KEKAMPUNGAN PELANCONGAN



# RANGKA KERJA PEMULIHAN PELANCONGAN 2.0: MENCAPAI DAYA TAHAN INDUSTRI


MEMBINA MASA DEPAN LEBIH BAIK



## **HAK CIPTA TERPELIHARA**

### **KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tidak dibenarkan setiap bahagian daripada penerbitan ini diterbitkan semula atau dipindahkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.



## PERUTUSAN YB MENTERI


**M**alaysia merupakan sebuah negara unik yang memiliki kepelbagaian budaya namun tetap utuh mengekalkan perpaduan. Kepelbagaian budaya ini menjadikan Malaysia tumpuan syurga makanan, disertai pelbagai pesta perayaan serta suasana kehidupan yang santai. Kepelbagaian ini sesuai dipromosikan menerusi pelancongan. Pelawat boleh mempelajari tradisi dan menikmati keindahan dan kecantikan asli Malaysia dengan melancong ke destinasi yang menarik disamping memupuk hubungan antara budaya pelbagai negara.

Secara purata, industri pelancongan telah menjana Nilai Ditambah Kasar (NDKIP) sebanyak 14.9 peratus setiap tahun, dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menyumbang sebanyak 6.5 peratus kepada ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada ekonomi pelawat dan ekosistem pelancongan. Sebagai industri yang berorientasikan manusia, pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang paling teruk terjejas dan dijangka mengambil masa yang lebih lama untuk pulih. Jika dibandingkan dengan keadaan prapandemik, industri pelancongan dianggarkan mengalami kerugian sekitar RM165 bilion hasil pelancongan pada tahun 2021.

Oleh yang demikian, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, (MOTAC) telah melancarkan beberapa inisiatif bertujuan untuk menggiatkan dan membuka semula industri pelancongan Malaysia. Antara strategi utama ialah merencanakan pelancongan domestik, memulakan pelancongan antarabangsa melalui Projek Rintis Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi,







serta menyediakan bantuan kewangan dan bukan kewangan demi memastikan kelangsungan industri ini.

Dengan pembukaan semula aktiviti pelancongan seluruh negara, peningkatan kadar vaksinasi dan pembukaan sempadan negara, sememangnya kita sedang melalui fasa pembukaan yang memfokuskan pada operasi aktiviti pelancongan dalam kapasiti yang terhad sambil meminimumkan risiko penularan virus tanpa keperluan kawalan pergerakan. Selepas tempoh pemulihan ini, kita perlu bergerak ke arah masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Kita mesti bersedia untuk merebut setiap peluang pertumbuhan yang muncul dan membangunkan pelancongan dalam era baharu yang berkait rapat dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Pandemik ini telah memberi kita peluang untuk menyerlahkan semula Malaysia sebagai sebuah destinasi lestari kaya budaya. Kita seharusnya meningkatkan usaha membina masa hadapan dengan lebih baik tanpa menoleh ke belakang lagi. Usaha yang baik ini akan membuah hasil dan kejayaan pada masa akan datang.

Untuk tujuan ini, Kementerian telah menilai dan memperhalusi pelan pemulihan sedia ada dan bekerjasama dengan pemain industri serta pihak berkepentingan untuk membina Rangka Kerja Pemulihan Pelancongan 2.0. Dokumen ini merupakan rangka tindakan bagi menentu ukur dan meremajakan semula industri pelancongan untuk menjadi lebih kukuh dan lebih berdaya tahan. Ia menggariskan cara kita membina dan menambah baik pencapaian 2019, termasuk penciptaan peluang pekerjaan, keusahawanan baharu,

peningkatan pendapatan pelancongan dan penambahbaikan infrastruktur, yang semuanya menyumbang kepada pembangunan keseluruhan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup.


Bagi memastikan pelan tindakan ini dapat memenuhi matlamatnya, kita semua harus bekerjasama dalam melaksanakan strategi-strategi yang digariskan. Sudah tiba masanya untuk kerajaan, pemain industri, dan semua rakyat Malaysia bersatu dalam Aspirasi Keluarga Malaysia untuk mengembalikan kegemilangan industri pelancongan kita ke era prapandemik, atau lebih baik.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua keluarga pelancongan yang telah bekerjasama untuk mencari penyelesaian, memberikan bantuan dan menunjukkan ketabahan yang luar biasa dalam mengatasi impak pandemik serta memastikan kelangsungan industri ini. Marilah kita terus bekerjasama untuk membina masa depan yang serba dinamik dan kukuh. Ayuh, bersama-sama kita jadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan impian, yang memiliki pelbagai budaya, seni dan warisan, serta keindahan alam semula jadi yang menakjubkan.

#ComingBackStronger  
#BuildForwardBetter  
#KeluargaMalaysia  
#BekerjaUntukRakyat



**DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya




## PENGENALAN

Seluruh dunia mengakui akan kepentingan pelancongan. Ekonomi pelawat ini banyak menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan negara, bukan sahaja dari segi tarikan destinasi menarik malah menjadi penyumbang utama kepada kemajuan ekonomi. Aktiviti lawatan ini mampu meningkatkan pendapatan dalam ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan pelaburan, menambahbaik infrastruktur negara serta mempromosikan pertukaran budaya antara rakyat di seluruh dunia. Malaysia tidak terkecuali dalam hal ini. Industri pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama kepada ekonomi


negara.

Pasca krisis pandemik COVID-19, pelancongan merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, di mana ia meningkat secara konsisten setiap tahun dengan sumbangan sebanyak 15.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan 3.6 juta guna tenaga yang menyumbang sebanyak 23.6 peratus kepada jumlah keseluruhan guna tenaga pada tahun 2019.

**NILAI DITAMBAH KASAR  
INDUSTRI PELANCONGAN (GVATI)**




**KELUARAN DALAM NEGERI  
KASAR (KDNK)**



Namun, disebabkan penularan pandemik ini, Malaysia telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta menutup sempadan negara dalam usaha mengekang peningkatan jumlah kes COVID-19. Akibatnya, industri pelancongan di negara ini telah terjejas dengan teruk. Pada tahun 2020, industri pelancongan hanya menyumbang sebanyak 14.1 peratus kepada KDNK, di mana ia mengalami penurunan yang ketara iaitu sebanyak 17.1 peratus berbanding 2019. Kesan pandemik ini juga dapat dilihat pada Keluaran Dalam Negeri Kasar Pelancongan Langsung (KDNKPL) yang telah menurun sebanyak 72 peratus

kepada RM28.5 bilion berbanding RM102 bilion pada tahun 2019.


Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah membangunkan Pelan Pemulihan Pelancongan (TRP1.0) melalui beberapa siri sesi libat urus dengan pemain industri pelancongan. Antara strategi utama yang digaris dan dilaksanakan dalam membuka dan menghidupkan semula perniagaan pelancongan negara, termasuk:



i. merencanakan semula pelancongan domestik dengan menawarkan pakej pelancongan yang lebih kreatif dan menarik melalui platform digital, menawarkan insentif dan promosi dalam bentuk baucar rebat atau diskaun, serta mempromosikan keunikan destinasi pelancongan luar bandar memandangkan pelancong kini gemarkan destinasi yang lebih selamat, kurang sesak dan nyaman. Pada tahun 2021, rakyat Malaysia telah menebus sepenuhnya insentif yang diberikan oleh MOTAC dalam bentuk diskaun, rebat dan baucar yang ditawarkan kepada pengguna syarikat penerbangan, hotel, dan produk kebudayaan dengan jumlah nilai sebanyak RM10.1 juta yang menghasilkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM66.71 juta;

ii. memulakan pelancongan antarabangsa melalui pelaksanaan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi (LITB) bermula 15 November 2021. Usaha ini merupakan ujian rintis bagi menilai kesediaan keseluruhan ekosistem industri pelancongan, terutamanya kesediaan penggiat industri untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu dalam usaha pembukaan semula perniagaan pelancongan secara berperingkat dan selamat. Sejak pelaksanaannya, tiada kluster jangkitan disebabkan oleh pelancong LITB yang direkodkan, dengan hanya 2.4% daripada mereka yang disaring positif COVID-19 di bawah kategori 1 dan 2 semasa ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LIA). Di samping itu, pelaksanaan LITB selama tiga bulan telah berjaya mencatatkan ketibaan lebih 5,800 pelancong asing dan menjana pendapatan melebihi RM28 juta kepada ekonomi Pulau Langkawi. Kejayaan LITB telah mendorong Kerajaan untuk membuka sempadan negara pada 1 April 2022; dan

iii. bantuan kewangan dan bukan kewangan bagi membantu kelangsungan penggiat industri yang terjejas. MOTAC telah memperuntukkan sejumlah RM61 juta pada tahun 2020 dan 2021 untuk pengagihan bantuan kewangan kepada lebih 20,000 pengendali pelancongan yang berlesen atau berdaftar dengan MOTAC di seluruh negara, termasuk agensi pelancongan, ejen MM2H, pengusaha inap desa, pemandu pelancong, dan pengendali spa dan pusat urut kaki. Dari segi bantuan bukan kewangan pula, MOTAC telah melonggarkan syarat-syarat lesen untuk agensi-agensi pelancongan, kelonggaran berkaitan kompaun, dan pengecualian fi untuk agensi-agensi pelancongan dan pemandu-pemandu pelancong.



# RANGKA KERJA PELANCONGAN UNTUK PEMULIHAN DAN KETAHANAN

**M**enurut Panel Pakar Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO), kebanyakan profesional pelancongan (61%) melihat prospek yang lebih baik untuk tahun 2022, dan majoriti pakar (64%) menjangkakan ketibaan antarabangsa akan kembali ke tahap 2019 hanya pada tahun 2024 atau seterusnya. Oleh itu, MOTAC menjangkakan bahawa fasa pemulihan akan berlangsung sekurang-kurangnya dua hingga tiga tahun, dengan tempoh masa dan sumber yang mencukupi untuk menyokong komuniti dan industri pelancongan. Pembukaan semula sempadan negara pada 1 April 2022 dijangka akan meningkatkan dan mempercepatkan pemulihan industri

pelancongan, serta menyumbang secara ketara kepada ekonomi negara.

Selain itu, gangguan baru-baru ini dalam rantaian bekalan global disebabkan oleh penutupan dan sekatan perjalanan, gangguan bekalan minyak, dasar sifar-Covid China, dan perang Rusia-Ukraine semuanya mempunyai kesan secara tidak langsung terhadap industri pelancongan. Sebagai contoh, penutupan ruang udara Ukraine dan Rusia telah mengakibatkan lencongan dalam penerbangan jarak jauh dari Eropah, mengakibatkan penerbangan yang lebih lama dan kos yang lebih tinggi. Tambahan pula, kenaikan harga minyak global akan meningkatkan kos perjalanan, yang akhirnya akan membebankan





kenaikan kadar inflasi disebabkan oleh harga makanan yang lebih tinggi boleh menyebabkan kekurangan wang untuk membeli barangan dan perkhidmatan termasuk pelancongan, yang seterusnya akan menjejaskan kos sara hidup, kos menjalankan perniagaan, dan aspek ekonomi yang lain.

Dalam hal ini, MOTAC telah menilai semula dan menambah baik TRP1.0 bagi mengembalikan semula daya saing global, dengan tumpuan kepada usaha-usaha meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama pintar antarabangsa dan nasional, memperkasa komuniti tempatan, serta memastikan kemampanan dan daya tahan industri pelancongan dalam menghadapi ketidaktentuan masa depan.

Pelancongan telah terbukti sebagai sektor yang berkesan untuk pertumbuhan ekonomi, membolehkan kepelbagaian ekonomi tempatan dan menarik pelaburan pertukaran asing, yang semuanya dapat membantu meningkatkan keseimbangan pembayaran, peluang pekerjaan, dan perbelanjaan isi rumah domestik. Oleh itu, TRP1.0 ditambah baik berdasarkan empat pemacu pemulihan ekonomi utama: pelaburan, teknologi, perdagangan, dan produktiviti, dengan fokus pada tiga Cs: penciptaan bersama (co-create), persilangan (cross-overs), dan kerjasama (cooperation).

Rangka kerja ini juga mencerminkan visi bersama kerajaan dan penggiat industri bagi mewujudkan industri pelancongan yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan di masa depan.

# VISI KAMI

Malaysia – Destinasi Lestari Kaya Budaya

# MISI KAMI

Memperkasa Ekosistem Industri Pelancongan dan Kebudayaan yang Inklusif

# HALA TUJU STRATEGIK

Meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama pintar antarabangsa dan nasional, memperkasakan masyarakat setempat, mengukuhkan daya tahan serta memastikan kemampanan industri pelancongan negara dalam mendepani ketidakpastian masa depan.



# RANGKA KERJA STRATEGIK: 5 TONGGAK

## **Tonggak 1:**

Menyokong Pemulihan Perniagaan Pelancongan dan Kebudayaan

## **Tonggak 2:**

Memulihkan Keyakinan Pelancong dan Perjalanan Antarabangsa dan Intra-Rantau yang Lancar

## **Tonggak 3:**

Mencipta Semula Produk/Perkhidmatan Pelancongan dan Kebudayaan Bagi Memacu Daya Saing

## **Tonggak 4:**

Menyelaraskan Pelancongan Dengan Kemampuan dan Keterangkuman

## **Tonggak 5:**

Memperkuhkan Pemulihan Dengan Ketahanan Jangka Panjang dan Kesiediaan Menghadapi Krisis

### Tonggak 1: Menyokong Pemulihan Perniagaan Pelancongan dan Kebudayaan



**S**okongan fiskal yang kukuh adalah perlu bagi memulih dan merencanakan kembali industri pelancongan negara. MOTAC menerusi Bajet 2022 telah menerima peruntukan sebanyak RM265 juta, membolehkan Kementerian ini terus memainkan peranan penting dalam pemulihan ekonomi negara susulan pandemik COVID-19. Di samping itu, pihak-pihak berkepentingan haruslah terlibat sama bagi menggiatkan semula industri ini dan komited kepada strategi yang lebih mampan dan berdaya saing. Selain itu, MOTAC dengan kerjasama

persatuan pelancongan akan menyediakan latihan, pemahiran semula dan peningkatan kemahiran untuk membantu membina semula tenaga kerja pelancongan yang mantap dan serba boleh, memfokuskan kepada literasi digital, kreativiti dan inovasi.

MOTAC akan terus menyokong dan bekerjasama dengan pemain industri, termasuk komuniti, untuk membantu pemulihan dan meningkatkan daya tahan mereka, yang secara tidak langsung akan membantu pemulihan pelancongan negara.

## Pelan Tindakan

### 1. Menyediakan bantuan fiskal dan bukan fiskal bagi menjamin kelangsungan dan daya maju perniagaan pelancongan dan kebudayaan:

- RM85 juta untuk bantuan khas tunai kepada lebih 20,000 pengusaha pelancongan yang berlesen atau berdaftar dengan MOTAC selama tiga bulan.
- RM30 juta pemberian geran padanan bagi tujuan pembaikan hotel bajet dan inap desa yang berdaftar dengan MOTAC.
- Geran padanan sebanyak RM50 juta kepada syarikat yang menganjurkan program berkaitan pelancongan, seni dan budaya seperti Geran Padanan Sektor Pelancongan (GSSP) dan Geran Padanan Sektor Kebudayaan (GSSK), yang boleh dimohon oleh penggiat industri bermula 1 April 2022 melalui Tourism Malaysia.
- RM65 juta dana insentif untuk aktiviti promosi termasuk pelancongan domestik.
- RM35 juta bagi penyelenggaraan infrastruktur pelancongan termasuk Bagunan Sultan Abdul Samad
- Dana pelancongan seperti Pembiayaan Pelancongan PENJANA, Tabung Infrastruktur Pelancongan (BPMP), dan Galakan Melancong (GAMELAN).
- Meringankan beban penggiat industri dengan mengecualikan fi lesen dan melonggarkan hal-hal berkaitan kompaun kepada agensi-agensi pelancongan dan pemandu-pemandu pelancong, dan kelonggaran syarat lesen kepada agensi-agensi pelancongan.

### 2. Menyediakan latihan dan pembangunan kemahiran yang sesuai untuk memenuhi keperluan industri pelancongan bagi mendorong pemulihan:

- Bekerjasama dengan persatuan-persatuan pelancongan seperti Persatuan Institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM) untuk menganjurkan program latihan bagi penggiat industri mengenai topik seperti pelancongan kesihatan, kaedah penceritaan, kemahiran pembentangan pemandu pelancong dan program MM2H.
- Mengadakan program latihan seperti kursus Mesra Malaysia untuk para petugas barisan hadapan, khususnya di pintu masuk.
- Menggalakkan penduduk tempatan bekerja dalam industri pelancongan dengan memperkenalkan pembelajaran berasaskan kerja di universiti/kolej, membenarkan pelajar bekerja secara sambilan dalam industri untuk mendapatkan kredit subjek, serta mendedahkan pelajar sekolah rendah dan menengah kepada pelancongan seperti program 3P.

### 3. Mewujudkan mekanisme sokongan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) pelancongan:

- Mengadakan program latihan atau bengkel untuk PMKS.
- Menyediakan meja bantuan untuk PMKS di laman web MOTAC atau agensi-agensi di bawahnya



### Tonggak 2: Memulihkan Keyakinan Pelancong dan Perjalanan Antarabangsa dan Intra-Rantau yang Lancar



**C**COVID-19 telah mengubah citarasa dan tingkah laku pelancong dalam memilih destinasi yang biasa dilawati, boleh dipercayai dan berisiko rendah. Aktiviti-aktiviti luar seperti pelancongan pengembaraan, ekopelancongan dan pengalaman kembara yang unik serta percutian domestik dan serantau akan menerima permintaan yang tinggi. Ini membolehkan destinasi-destinasi yang dahulunya kurang dikenali mula dipromosikan dan secara tidak langsung mampu mengurangkan kesesakan di destinasi-destinasi pelancongan utama.

Di samping itu, komunikasi yang jelas dan proaktif adalah kritikal dalam berdepan dengan permintaan pelancong yang semakin meningkat. Maklumat-

maklumat tersedia haruslah disampaikan dengan cara yang jelas dan mudah bagi memudahkan pelancong mendapatkan maklumat dan data yang tepat dan terkini.

Selanjutnya, disebabkan pandemik, kesihatan dan kebersihan akan menjadi elemen utama bagi menarik pelancong yang semestinya akan memilih destinasi yang dilengkapi infrastruktur yang baik dan kemudahan perubatan berkualiti tinggi, serta persekitaran yang bersih dan selamat. Dalam usaha mengembalikan keyakinan pelancong untuk memilih Malaysia, keselamatan dan kebersihan hendaklah diutamakan supaya Malaysia boleh dipromosikan sebagai sebuah destinasi pelancongan yang selamat, bersih dan sihat.

## Pelan Tindakan

- 1. Mempromosikan pelancongan antarabangsa untuk meningkatkan ekonomi pelawat dan jumlah ketibaan pelancong:**
  - Melaksanakan Pelan Pemasaran Tourism Malaysia 2022-2026 dan Pelan Pemasaran Strategik Acara Perniagaan Malaysia 2021-2030.
  - Meningkatkan kemudahsampaian ke Malaysia melalui Program Pelancongan Bersama.
  - Menyegerakan pelaksanaan kempen “Meet in Malaysia” untuk menyokong industri acara perniagaan (business events) termasuk konvensyen tempatan atau antarabangsa serta mesyuarat korporat domestik dan menggalakkan penganjuran acara antarabangsa di Malaysia.
  - Promosi bersama ejen pelancongan/syarikat penerbangan tempatan dalam membangun dan menjual pakej pelancongan yang menarik ke Malaysia.
  - Memudahkan perjalanan termasuk proses permohonan visa yang selamat, cekap dengan kos yang berpatutan seperti e-visa.
- 2. Menggalakkan penjajaran standard dan protokol kesihatan dan keselamatan serta pelancongan lestari dengan ASEAN dan pertubuhan antarabangsa:**
  - Penyertaan dalam mesyuarat ASEAN, APEC, UNWTO dan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa yang lain, dialog atau program untuk menyelaraskan standard Malaysia, khususnya mengenai kesihatan dan keselamatan serta pelancongan yang mampan dengan standard antarabangsa seperti World Travel and Tourism Council (WTTC) Safe Travels Stamp, Global Sustainable Tourism Council (GSTC), Ecolabel, dan Environmental, Social and Governance (ESG).
- 3. Mewujudkan mekanisme komunikasi yang berkesan dengan peniaga, pembeli, pengendali/pengusaha pelancongan dan pelancong terutamanya dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi yang selamat dan dipercayai:**
  - Penyertaan atau menjalinkan rangkaian jaringan dengan pemain industri tempatan dan antarabangsa melalui pameran perdagangan, jerayawara, pameran pelancongan, seminar dan webinar.
  - Menganjurkan lawatan suai kenal (MegaFam) untuk para media, mempengaruhi media sosial, penulis blog, pengendali pelancongan dan rakan dagang bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi percutian yang selamat.



### Tonggak 3: Mencipta Semula Produk/Perkhidmatan Pelancongan dan Kebudayaan Bagi Memacu Daya Saing



Pelancongan berkait rapat dengan pengalaman dan pengembaraan ke sesuatu destinasi yang jauh dari kediaman. Permintaan pelancong dilihat semakin khusus dan tersuai (customised), sepadan dengan kesanggupan mereka untuk berbelanja lebih demi mendapatkan pengalaman yang unik, berbeza dan tidak dapat dilupakan. Justeru, bagi membolehkan penggiat industri pelancongan kekal berdaya saing, mereka hendaklah menambah nilai perkhidmatan/produk pelancongan dan kebudayaan yang ditawarkan. Ini boleh dilaksanakan menerusi usaha-usaha mempelbagaikan produk serta meningkatkan daya tarikan destinasi bagi menarik pelancong berkualiti yang akan melawat lebih banyak tempat, tinggal lebih lama dan berbelanja lebih banyak.

Di samping itu, segmen-segmen seperti acara perniagaan, ekopelancongan, pelancongan berasaskan komuniti (Community-Based Tourism - CBT), perubatan dan kesihatan, pelancongan pendidikan, dan pelancongan berdasarkan pengalaman (experiential) haruslah ditonjolkan sebagai pemangkin untuk menarik minat pelancong datang ke Malaysia, yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi pelawat. Tambahan pula, warisan kebudayaan, kesenian dan makanan di Malaysia juga merupakan wadah bagi menambahkan nilai pengalaman pelancong

## Pelan Tindakan

### 1. Menggalakkan pembangunan perkhidmatan dan produk yang inovatif selaras dengan trend perjalanan baharu:

- Bekerjasama dengan penggiat industri untuk mengenalpasti dan membangunkan pakej perkhidmatan/produk pelancongan dan kebudayaan yang memenuhi kehendak pelancong termasuk produk minat khas seperti seni dan budaya, perubatan dan kesihatan, mesra Muslim, ekopelancongan, aktiviti menyelam, mencerap burung (bird watching), aktiviti sukan dan lain-lain.
- Mempelbagaikan segmen pasaran acara perniagaan seperti teknologi digital kembar dan acara sukan antarabangsa.

### 2. Memfokuskan pada segmen tertentu dalam mempercepatkan pemulihan ke arah daya tahan:

- Bekerjasama dengan penggiat industri untuk mempromosi dan memasarkan produk pelancongan seperti ekoelancongan, pelancongan pendidikan, pelancongan berasaskan komuniti, kebudayaan dan warisan, serta pakej perubatan dan kesihatan bagi menarik minat pelancong berbelanja tinggi.
- Kerjasama antara agensi-agensi berkaitan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan bagi tujuan penggambaran dan produksi filem.
- Menjalinkan kerjasama strategik seperti Perikatan Konvensyen Asia (Asia Convention Alliance) bagi mewujudkan lebih banyak peluang dan meningkatkan jumlah penganjuran acara perniagaan antarabangsa di Malaysia.
- Menggalakkan peserta antarabangsa untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan melalui KLIA dan transit dahulu di Malaysia sebelum ke destinasi seterusnya. Sebagai contoh, menarik peserta dari Eropah, India dan Asia untuk melalui/transit/singgah di KLIA sebelum menghadiri sebarang mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (meetings, incentives, conventions, and exhibitions – MICE) pelancongan di Australia.





### Tonggak 4: Menyelaraskan Pelancongan Dengan Kemampanan dan Keterangkuman



Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) dan Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO) menggambarkan pelancongan lestari sebagai “pelancongan yang memenuhi keperluan pelawat, industri, alam sekitar, dan komuniti tuan rumah sambil mengambil kira sepenuhnya implikasi ekonomi, sosial, dan alam sekitar semasa dan masa hadapannya.” Ia merujuk kepada komponen alam sekitar, ekonomi, dan sosio-budaya dalam pembangunan pelancongan, serta keperluan keseimbangan yang mencukupi antara ketiga-tiga dimensi ini demi kemampanan jangka panjang.

Komitmen terhadap pelancongan yang mampan dan bertanggungjawab akan mengukuhkan lagi peranan pelancongan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi secara lestari, bertanggungjawab, dan inklusif, termasuk meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar,

memelihara sumber dan nilai budaya dan warisan, serta memastikan pemeraksanaan komuniti tempatan dan pribumi supaya kekayaan dari pelancongan tersebar luas sehingga menjangkau masyarakat terpencil yang mampu menawarkan keunikan pengalaman kepada pelancong. Ringkasnya, kelestarian memastikan kita memulangkan lebih banyak daripada yang telah kita gunakan.

Pada masa yang sama, penekanan juga akan diberikan kepada peningkatan pendapatan pelancongan yang merupakan penunjuk penting dalam mempengaruhi ekonomi negara, di mana ia mengutamakan kualiti berbanding kuantiti. Dalam istilah yang mudah, menarik pelancong yang berkualiti atau berbelanja tinggi dan bertanggungjawab ke negara ini.



## Pelan Tindakan

- 1. Menetapkan asas pelancongan mampan - “Memberi Kembali Lebih Dari Yang Diambil”:**
  - Menggalakkan penyertaan masyarakat setempat dalam aktiviti voluntourism di lokasi-lokasi pelancongan.
  - Melatih pemandu pelancong dan mendapatkan bantuan mereka untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pelancong mengenai kepentingan pelancongan yang mampan dan bertanggungjawab.
  - Mengadakan program untuk melatih penggiat industri seperti pengusaha-pengusaha hotel dan pemilik-pemilik produk mengenai amalan kelestarian.
  - Insentif potongan cukai untuk penajaan aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan di bawah Subseksyen 34 (6) (K), Akta Cukai Pendapatan 1967.
  - Mengenalpasti piawaian mampan yang boleh diguna pakai dan disesuaikan dalam konteks Malaysia
- 2. Menambahbaik infrastruktur di destinasi pelancongan bagi meningkatkan pengalaman pelancong**
  - Bajet sebanyak RM35 juta telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan infrastruktur pelancongan termasuk Bangunan Sultan Abdul Samad.
- 3. Memperkasa penglibatan wanita, belia dan orang asal dalam aktiviti/perniagaan pelancongan dan kebudayaan**
  - Mengadakan bengkel keusahawanan untuk melatih wanita, belia, dan orang asal.
  - Bekerjasama dengan kementerian/agensi berkaitan untuk meningkatkan bilangan usahawan wanita, belia dan orang asal dalam industri berkaitan pelancongan dan kebudayaan.



### Tonggak 5: Memperkuhkan Pemulihan Dengan Ketahanan Jangka Panjang dan Kesediaan Menghadapi Krisis



Pandemik COVID-19 bukanlah merupakan krisis yang terakhir. Justeru itu, penggiat industri hendaklah sentiasa bersiap sedia untuk mendepani ketidaktentuan dan cabaran masa depan, antaranya seperti cukai yang tinggi, infrastruktur yang tidak memadai, kekurangan sumber tenaga mahir, kos percutian yang meningkat, inflasi, perubahan iklim, bencana alam, pencemaran alam sekitar, pelancongan rasak (overtourism), isu keselamatan dan peraturan rentas sempadan yang ketat.

Pandemik ini juga telah menunjukkan kelemahan dalam kesediaan dan tindak balas kerajaan dan penggiat industri pelancongan. Maka, penekanan harus diberikan untuk meningkatkan daya tahan industri ini melalui usaha pemulihan dan

pembinaan semula industri pelancongan yang kaya budaya dan mampan.

Selain itu, pandemik ini juga memberi peluang kepada industri pelancongan untuk mempercepatkan integrasi dan penerimaan penggunaan teknologi dan inovasi baru. Penggiat industri perlu menyesuaikan diri dengan tranformasi digital daripada teknologi tanpa sentuh kepada perkhidmatan automatik seperti pembayaran tanpa tunai, tempahan dalam talian, daftar masuk sendiri, dan penghantaran menggunakan robot demi mengelakkan industri pelancongan menjadi suram.

## Pelan Tindakan

1. **Mewujudkan program advokasi jangka panjang bagi mempromosikan kepentingan dan pergantungan kepada pelancongan:**
  - Menyemak dan memperhalusi garis panduan sedia ada untuk pengurusan krisis pelancongan.
  - Menjadikan tahun 2025 sebagai Tahun Melawat Malaysia bagi merancang kembali industri pelancongan.
  - Memperkenal dan melaksanakan “Program Pembangunan Persatuan” bagi menyokong dan memperkasa persatuan-persatuan tempatan untuk menarik penganjuran acara perniagaan di Malaysia.
2. **Meningkatkan kemahiran dan penggunaan teknologi digital dalam industri pelancongan:**
  - Menggalakkan para penggiat industri mempromosikan pakej-pakej pelancongan melalui laman web [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel).
  - Mempromosi dan memasarkan produk pelancongan dan kebudayaan melalui platform digital. Sebagai contoh, Kraftangan Malaysia menggalakkan para usahawan kraf menggunakan teknologi digital dalam mempamerkan produk-produk dan menambahbaik penyampaian perkhidmatan mereka melalui platform seperti E-Kraf Bazaar dan My CraftShoppee serta aplikasi mudah alih – CraftOnTheGo.
  - Membangunkan sistem pelesenan dan penguatkuasaan pelancongan (TOURLIST) bagi permohonan lesen pelancongan secara digital.
  - Melaksanakan Rangka Kerja Pendigitalan Penjagaan Kesihatan Malaysia dalam pelancongan kesihatan.





# OUTPUT SASARAN

## PELANCONGAN BERNILAI TINGGI & MAMPAN

Di mana kita sekarang? Di mana kita mahu berada?



**Sekarang**

### Situasi Semasa

Ketibaan pelancong yang tinggi & kemampuan yang rendah

### Indikator 2020

Sumbangan kepada KDNK : **14.1%**  
Terimaan Pelancongan : **RM 12.7 bilion**  
Ketibaan Pelancong : **4.3 juta**



**2025**

### Jangka Sederhana

Pelancongan bernilai tinggi seiring dengan kemampuan

### Indikator Sasaran

Sumbangan kepada KDNK : **15.6%**  
Terimaan Pelancongan : **RM 77 bilion**  
Ketibaan Pelancong : **22 juta**



**2030**

### Jangka Panjang

Pelancongan yang berdaya saing, berdaya tahan dan mampan

### Indikator Sasaran

Sumbangan kepada KDNK : **16.6%**  
Terimaan Pelancongan : **RM 120 bilion**  
Ketibaan Pelancong : **30 juta**



## KESIMPULAN

Malaysia mensasarkan masa depan pelancongan yang seimbang iaitu bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi malah memberikan manfaat sosio-ekonomi kepada semua tanpa meninggalkan sesiapa pun. Pada masa yang sama melindungi, memelihara dan memulihara alam semulajadi, budaya dan warisan negara demi kepentingan generasi kini dan akan datang

Sehubungan itu, kerjasama erat antara para penggiat industri, komuniti tempatan, pertubuhan bukan kerajaan, dan kerajaan adalah amat penting demi mencapai matlamat dan menangani kesan buruk wabak COVID-19 bagi mewujudkan dan meningkatkan industri pelancongan yang berdaya maju dan berdaya tahan.








## PENGHARGAAN

Rangka kerja strategi ini dirangka menerusi sesi libat urus bersama pihak berkepentingan utama. Kami akan terus memanfaatkan kepakaran, pengalaman, pakatan, dan kepimpinan mereka yang cemerlang dalam usaha mencapai visi dan misi menerusi tindakan yang berfokus.

Kami ingin merakamkan penghargaan kepada wakil-wakil pelbagai pertubuhan/ organisasi yang telah menyumbang kepada penghasilan rangka kerja strategik ini.







KEMENTERIAN PELANCONGAN  
SENI DAN BUDAYA

